



قليتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 30 BILANGAN 26

RABU 26 JUN, 1985.

رابعو 7 شوال 1405

PERCUMA

KEBAWAH DYMM KURNIAKAN UCAPAN SELAMAT HARI RAYA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam, khususnya yang beragama Islam.

Perutusan Selamat Hari Raya Baginda itu telah disabdakan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Indera Negara Pengiran Anak Tahiruddin bin Pengiran Muda Saifuddin, Grand Chamberlain yang disiarkan melalui Televisyen pada malam Selasa 18 Jun lepas.

Oleh kerana Baginda masa ini berkeadaan kurang sihat kerana mengidap penyakit cacar, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dukacita yang Baginda sendiri tidak dapat berangkat untuk menerima orang ramai mengadap untuk berziarah dan menyembahkan ucapan Selamat Hari Raya.

Pengumuman tersebut adalah seperti berikut :

PADA menjunjung titah perintah Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, inilah dimaklumkan kepada orang ramai bahawa oleh kerana Baginda pada masa ini berkeadaan kurang sihat kerana menghidap penyakit cacar, maka pakar-pakar doktor Baginda telah menyembahkan nasihat supaya Baginda beristirahat.

Oleh yang demikian, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dukacita yang Baginda sendiri tidak dapat berangkat untuk menerima orang ramai mengadap untuk berziarah dan menyembahkan ucapan Selamat Hari Raya.

Baginda dan kerabat-kerabat Baginda dengan amat sukacita mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam khususnya yang beragama Islam.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

ANGKATAN BERSENJATA DISERU BERPEGANG TEGUH KEPADA UGAMA ISLAM

Oleh Jaafar Haji Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan Negara Brunei Darussalam dengan tulus ikhlas menyeru seluruh anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Negara Brunei Darussalam yang beragama Islam supaya sentiasa berpegang teguh kepada agama Islam yang suci dalam menjalankan tugas.

"Mudah-mudahan dengan demikian Negara Brunei Darussalam akan sentiasa berada di dalam perlindungan dan pemeliharaan Allah Subhanahu Wataala", sabda Kebawah Duli Yang Teramat Mulia.

Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien Menteri Pertahanan Negara Brunei Darussalam bersabda demikian dalam sabda perutusan Hari Raya bagi tahun Hijrah 1405.

MENEGAKKAN

Selaku ketua kepada sekalian anggota Angkatan Bersenjata, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia juga mengingatkan kepada sekalian anggota-anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Negara Brunei Darussalam termasuklah juga purih keaslian angkatan tentera yang belum beragama Islam serta anggota Pasukan

Simpanan Gurkha supaya hendaklah mereka menambatkan kecekapan dan menegakkan hati bersungguh-sungguh mempertahankan keselamatan Negara Brunei Darussalam.

Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien selaku pemerintah tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Negara Brunei Darussalam dan sebagai Menteri Pertahanan Negara Brunei Darussalam dengan amat sukacita menyampaikan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri Baginda kepada sekalian anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Negara Brunei Darussalam yang beragama Islam.

TERIMA KASIH

Sempena Hari Raya tahun ini, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji

Lihat muka 20



KEBAWAH Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien ketika berangkat ke Masjid Omar Ali Saifuddin bagi menyertai beribu-ribu umat Islam untuk menunaikan sembahyang Hari Raya. — Gambar oleh Harun Rashid.

SABDA UCAPAN SELAMAT HARI RAYA

KEBAWAH Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan Negara Brunei Darussalam, dengan mendahulukan salam "Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh" sukacita mengucapkan "Selamat Hari Raya Aidilfitri" kepada sekalian umat Islam dan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia mengurniakan sabda ucapan terima kasih kepada orang-orang yang telah menyembahkan kad dan mengucapkan Selamat Hari Raya kepada Kebawah Duli Yang Teramat Mulia.

Di samping itu Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan Negara Brunei Darussalam juga bersabda seperti rangkap-rangkap berikut:—

Hendaknya dituntut diperbudikan ke dalam hati dipertaruhkan Dengan bersungguh diperhatikan Seboleh-bolehnya diperingatkan

Omang beromang keadaan lambat Sungguh berinov pekerjaan tamat

Lihat muka 20

MANISNYA IMAN

"BERDOALAH kepada Tuhan kamu dengan merendahkan diri dan suara perlahan-lahan, sesungguhnya Dia (Allah) tiada suka kepada orang-orang yang melanggar batas. Janganlah kamu membuat bencana di muka bumi, sesudah diadarkan perbaikan, dan penuh harapan, sesungguhnya rahmat Tuhan itu dekat kepada orang-orang yang berbuat kebajikan." — Makna ayat 55 — 56 Surah Al-A'raf.



26 JUN, 1985

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

BANGSA YANG BERWIBAWA ADALAH BANGSA YANG SEDIA UNTUK MENGAMAT-AMATI

**Kemantapan sesebuah negara dalam
memelihara keamanan serta**

keselamatan adalah menjadi tanggungjawab kita bersama.

Sifatnya kita sebagai bangsa Brunei yang berwibawa yang telah sekian lama hidup rukun damai sememangnya menumpukan laila hasrat hati dan semangat ke arah ciptaan keamanan, ciptaan ketenteraman serta berhati-hati dalam mempertahankan keselamatan negara yang benar-benar mengutamakan pada cintakan laila ilmu pengetahuan, juga dalam mengharumkan nama baik Negara Brunei Darussalam yang sama-sama kita cintai ini.

Kesejahteraan serta kekukuhan ekonomi negara telah memungkinkan kita semua mencapai tujuan-tujuan pembangunan bangsa baik yang bersifat fizikal mahupun mental seterusnya mempersiapkan kita dalam setiap komitmen yang tali-temali terhadap aspirasi sebenar negara yang kita warisi ini dan akan menjadi waris di masa-masa yang akan datang.

Sebagai bangsa yang berwibawa lagi merdeka dalam sebuah negara yang sepenuhnya berdaulat kita akan sentiasa memastikan bahawa kemerdekaan serta kedaulatan itu adalah untuk mendatangkan rahmat serta nikmat Allah Subhanahu Wataala jua.

Dalam hubungan ini, kegembiraan yang sedang kita rasakan dalam suasana berhari raya di bulan Syawal ini adalah berkat kesejahteraan serta kemantapan sosio-politik serta kekukuhan ekonomi negara ini di samping keteguhan kita dalam penghayatan beragama secara sederhana tapi tepat.

Kerana menerusi penghayatan sedemikian itulah kita akan sentiasa merasa bersyukur, dan akan sentiasa merasakan nikmatnya menjadi bangsa yang taat kepada Allah Subhanahu Wataala khususnya dalam ertikata menyukai perkara-perkara yang maaruf dan membenci perkara-perkara yang munkar.

Dalam suasana yang penuh berkat dan gembira ini eloklah kita semua mengamati-amati sabda Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien seperti rangkap-rangkap berikut:

Hendaknya dituntut diperbudikan Ke dalam hati dipertaruhkan Dengan bersungguh diperhatikan Seboleh-bolehnya diperingatkan.

Omang beromang keadaan lambat Sungguh berinovat pekerjaan tamat Kaji menteliti seberapa cermat Biar lambat asalkan selamat.

Ala lukan sitambayangan Kunau biluyan kerang-kerangan Wahai Pak Kulun wajah timangan Sadang bergurau malam siangan.

Rangkap-rangkap di atas yang disabdakan sempena dengan Hari Raya Aidilfitri tahun ini sungguh mengesankan untuk kita semua renungkan serta amat-amati.

PUTRA SENI DERMA \$200

BANDAR SERI BEGAWAN.
— Kumpulan PUTRA SENI telah menderma sebanyak \$200.00 kepada Tabung Anak-Anak Yatim Daerah Brunei-Muara pada hari Selasa, 4 Jun lepas.

Derma itu telah disampaikan oleh Ketua 1 kumpulan itu, Awang Muslim bin Haji Mohd. Yusoff kepada Pengerusi tabung berkenaan, Awang Haji Abd. Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Haji Abd. Rahim di pejabat Daerah di sini.

Setiasua kumpulan itu, Awangku Jamaluddin bin Pengiran Yusoff dan Bendahari kumpulan itu, Awang Mohd. Noor bin Metassan

juga hadir di majlis itu.

Di sepanjang bulan puasa ini kumpulan itu telah juga mengadakan majlis bertedaru di rumah-rumah

ahli kumpulan itu. Majlis khataman Al-Quran telah diadakan di rumah Awang Muslim bin Haji Mohd. Yusoff.

PERSEDIAAN PEPERIKSAAN LONDON GCE

BANDAR SERI BEGAWAN.
— Lembaga Peperiksaan, Jabatan Pelajaran, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan sedang membuat persediaan-persediaan bagi mengadakan peperiksaan London GCE Peringkat Biasa ('O' Level) dan Peringkat Tertinggi ('A' Level') bagi bulan Januari, 1986.

Syarat-syarat bagi memasuki peperiksaan Peringkat Biasa ('O' Level), calon-calon hendaklah sedang berada dalam Tingkatan Lima atau telah lulus dalam peperiksaan BJCE atau yang sebanding dengannya selepas dua tahun.

Bagi Peringkat Tertinggi ('A' Level) pula, calon-calon hendaklah sekurang-kurangnya telah mendapat tiga mata pelajaran GCE Peringkat Biasa ('O' Level) dalam sebarang peperiksaan (sekali duduk) atau sebarang peperiksaan yang sebanding dengannya selepas dua tahun.

Calon-calon yang ingin mendaftar bagi salah satu

Peringkat Biasa atau Tertinggi ('O' atau 'A' Level) dikehendaki menunjukkan dan menyertakan bukti-bukti bergambar akan kelulusan mereka itu bersama-sama dengan borang pendaftaran masuk.

Borang-borang permohonan boleh diperolehi dari Lembaga Peperiksaan Brunei, Kompleks Lapangan Terbang Lama, Berakas mulai dari 1 Julai 1985 hingga 3 Ogos 1985.

Bayaran untuk memasuki peperiksaan ini hendaklah dibayar dengan wang tunai (Mata Wang Brunei) atau cek kepada Lembaga Peperiksaan.

Borang-borang pendaftaran peperiksaan yang telah diisiikan beserta dengan bayaran dan siji-siji bergambar dari calon mestilah sampai ke Lembaga Peperiksaan sebelum 3 Ogos 1985. Borang-borang permohonan yang dihantar lewat dari tarikh yang disebutkan di atas tidak akan dilayan.

MAJLIS BERBUKA PUASA DI KAHERAH

TUAN Yang Terutama, Malai Haji Ahmad Murad bin Haji Malai Mashor, Duta Besar dan Wakil Mutlak Negara Brunei Darussalam di Kaherah berserta dengan pegawai-pegawai dan kakitangan Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di sana pada penghujung bulan puasa yang baru lalu telah mengadakan majlis berbuka puasa dan bertahil bertempat di rumah kediaman salah seorang pegawai Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Kaherah.

Majlis tersebut yang diadakan pada hari Khamis 30 Mei, 1985 telah juga dihadiri oleh para isteri dan keluarga kakitangan dan pegawai Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam serta penuntut-penuntut dari negara ini yang sedang melanjutkan pelajaran di pusat pengajian tinggi di Kaherah.

Doa tahil di majlis itu telah dibacakan oleh Awang Johari bin Muhammad, Ketua Bahagian Ugama Penuntut Brunei Darussalam di Kaherah.

LATIHAN PERBARISAN SKIM CEGAH KEBAKARAN

BANDAR SERI BEGAWAN.
— Jabatan Pasukan Bomba akan mengadakan latihan baris bulanan bagi peserta-

peserta skim, mencegah kebakaran seluruh negara sepanjang bulan Julai depan.

Ketua-ketua kampung dan

ketua-ketua kursus yang terlibat dengan skim latihan tersebut dikehendaki memberikan kerjasama

dengan mengumpulkan semua ahli-ahli yang terlibat yang ditentukan dalam jadual di bawah ini.

Tarikh	Jam	Nama Kampung/ Jabatan Kerajaan/Pertubuhan	Tempat Latihan	Balai Yang Mengendalikan	Pasukan
1.7.85	7.00 mlm	Kampung Pelambayan, Jalan Kota Batu	Kg. Pelambayan	Bomba Bandar	B
2.7.85	7.00 mlm	Kampung Sungai Matan, Jalan Kota Batu	Kg. Sg. Matan	Bomba Bandar	C
3.7.85	7.00 mlm	Kampung Serdang, Jalan Kota Batu	Kg. Serdang	Bomba Bandar	A
4.7.85	10.00 pagi	Pusat Bimbingan/Latihan (Kg. Pulaie)	Kg. Pulaie	Bomba Bandar	B
5.7.85	4.00 ptg	Kampung/Danau, Tutong	Kg. Danau	Bomba Tutong	C
6.7.85	2.30 ptg	JKR, Bahagian Air Tutong	Bomba Tutong	Bomba Tutong	A
7.7.85	2.00 ptg	Jabatan Penerangan, BSB	Kawasan J. Penerangan	Bomba Bandar	B
7.7.85	4.00 ptg	Kampung Telisai, Tutong	Kg. Telisai	Bomba Tutong	B
8.7.85	2.30 ptg	JKR, Bahagian Air BSB	Bomba Bandar	Bomba Bandar	C
12.7.85	4.00 ptg	Kampung Bukit Panggal, Tutong	Kg. Bukit Panggal	Bomba Tutong	A
12.7.85	2.30 ptg	Kampung Sungai Teraban, Kuala Belait	Kg. S. Teraban	Bomba Belait	A
12.7.85	4.00 ptg	Kampung Lumapas Pasukan A & B	Kampung Lumapas	Bomba Bandar	A
13.7.85	2.00 ptg	JKR, Bahagian Air/Gas Seria dan K. Belait	Bomba Belait	Bomba Belait	B
13.7.85	10.00 pagi	JKR, Bahagian Pembinaan /Makmal Tanah & Konkrit	Bomba Bandar	Bomba Bandar	B
14.7.85	3.30 ptg	Kampung Bunut, Jalan Tutong	Kg. Bunut	Bomba Bandar	C
14.7.85	2.30 ptg	Pengakap 2002, Tutong	Sufri Bolkiah E. Sch	Bomba Tutong	C
15.7.85	7.00 malam	Kampung Mumong, Kuala Belait	Kg. Mumong	Bomba Belait	A
16.7.85	10.00 pagi	JKR Bahagian Bangunan Brunei	Bomba Berakas	Bomba Bandar	B
17.7.85	2.00 ptg	M/Belia2 Daerah Belait (Pasukan A, B dan C)	Kuala Belait	Bomba Belait	C
19.7.85	5.00 ptg	Kampung Tanjong Nangka	Kg. T/Nangka	Bomba Bandar	B
19.7.85	7.30 malam	Kampung Batu Marang (Pasukan A & B)	Kg. Batu Marang	Bomba Muara	B
20.7.85	7.00 malam	Kampung Perpindahan Mata-Mata Gadong	Kg. P/Mata-Mata Gadong	Bomba Bandar	C
21.7.85	5.00 ptg	Kampung Panchot Papan, Tutong	Kg. Panchot Papan	Bomba Tutong	A
22.7.85	2.30 ptg	JKR, Bahagian Bengkel, Jalan Tasek Lama	Bomba Berakas	Bomba Bandar	B
23.7.85	2.00 ptg	JKR Bahagian Air Muara	Bomba Muara	Bomba Muara	C
23.7.85	2.00 ptg	JKR, Bahagian Air Tembung	Bomba Bangar	Bomba Bangar	C
26.7.85	4.00 ptg	Kampung Penabai Kuala Tutong	Kg. Penabai	Bomba Tutong	C
27.7.85	5.00 ptg	Pasukan Pengakap 2005 Tutong	P/S Kenangan	Bomba Tutong	A
28.7.85	2.30 ptg	Kampung Sengkarai, Tutong	Kg. Sengkarai	Bomba Tutong	B

MEROKOK ATAU KESIHATAN?

TERSERAHLAH KEPADA AWDA

Tema Pertubuhan Kesihatan Sedunia bagi Hari Kesihatan Sedunia, 1980 berbunyi, "Merokok atau Kesihatan - Terserahlah Kepada awda". Maksudnya jelas sekali, jika awda lebih cenderung merokok maka padahnya ialah rosak kesihatan dan cepat mati. Sebaliknya dengan

mungkin - barah pembawa maut. Batuk di waktu pagi di kalangan perokok merupakan suatu petanda bahawa kemudatan-keudatannya yang lebih berbahaya sedang bergolak dalam badan.

Oleh Dr. K.P. Louis
Pegawai Perubatan Bahagian Kesihatan,
Kuala Belait.

Perokok 70% lebih cepat mati dari orang yang tidak merokok. Tidak hairanlah merokok disifatkan sebagai 'membunuh diri secara perlahan' dan 'menjatuhkan hukuman mati pada diri sendiri'.

membuang tabiat merokok, awda akan menikmati hidup dalam keadaan sihat-segar. Soalnya, apakah gunanya membuang duit dan membahayakan kesihatan hanya semata-mata kerana hendakkan sedikit keseronokan dari merokok?

Terdapat banyak bukti sains yang menunjukkan bahawa merokok menyebabkan pelbagai penyakit pada organ-organ badan yang mustahak seperti jantung dan paru-paru dan mengakibatkan lain-lain kemudatan yang menjejaskan kesihatan dan memendekkan umur seseorang. Dianggarkan bahawa penggemar rokok memendekkan umurnya sebanyak 5 minit atau lebih setiap kali ianya menghabiskan sebatang rokok.

PUNCA BARAH

Tar yang terdapat dalam asap rokok itu terbukti merupakan punca barah. Kimia-kimia kakis pada tar yang dihisap perokok melekat pada saluran-saluran udara dan paru-paru. Akibatnya terjadi rangsangan berlarutan dan radang saluran pernafasan dan kemudiannya



GAMBAR menunjukkan barah paru-paru pada seorang perokok. Manakala gambar kecil pula ialah kandungan sebatang rokok yang boleh merosakkan kesihatan.



BERTINDAK sebelum terlambat! Berhentilah sebelum terjadi kerosakan yang berkekalan!!!

tekanan darah tinggi menambatkan lagi bahayanya.

Nikotin dalam asap rokok merupakan suatu racun yang kuat. Ianya menjejaskan sistem saraf dan menyebabkan seseorang ketagih dan bergantung pada rokok.

Merokok merupakan salah satu gejala yang menyebabkan ulser penghadaman dan melambatkan penyembuhannya.

Pertumbuhan jasmani dan rohani bayi dalam kandungan akan menjadi lambat jika ibunya merokok sewaktu mengandung dan kerana inilah ianya mungkin menyebabkan kelahiran sebelum cukup waktunya dan masalah-masalah yang berkaitan dengannya. Sejak bertambahnya bilangan wanita yang merokok, penyakit-penyakit yang ada kaitan dengannya pun bertambah bilangannya juga, sama seperti terjadinya dalam kalangan lelaki.


MEMBUNUH DIRI

Walaupun sejumlah tertentu pendapatan negara merupakan hasil daripada perusahaan tembakau, tetapi tabiat merokok juga merupakan suatu pembaziran yang besar pada keseluruhannya. Di Amerika sahaja, tabiat yang membazir ini meragut hampir 350,000 nyawa dan mengorbankan

sebanyak 18 billion ringgit Amerika kewangan awam dalam setahun. Perokok 70% lebih cepat mati dari orang yang tidak merokok. Tidak hairanlah merokok disifatkan sebagai 'membunuh diri secara perlahan' dan 'menjatuhkan hukuman mati pada diri sendiri'.

Perokok mencemarkan alam sekitar dengan rokok, abu dan puntung rokok. Orang-orang yang tidak merokok terdedah kepada udara yang dicemari asap rokok juga menerima akibat buruknya. Puntung-puntung rokok dan batang-batang mawar yang dibuang dengan tidak tentu arah atau secara tidak sengaja boleh menyebabkan berlakunya kebakaran dan kecelakaan. Merokok semasa berada di atas katil dan ketika memandu pernah menyebabkan kebakaran dahsyat dan kecelakaan jalan raya.

Kemudatan terhadap kesihatan kerana merokok setaras dengan banyaknya rokok yang dihisap dan lamanya tabiat ini diamalkan.



Kemudatan ini pula dapat dielakkan jika tabiat merokok dihentikan sebelum kesihatan terganggu sangat kerananya. Didapati bahawa nisbah kematian bagi orang yang berhenti mengamalkan tabiat merokok selama 15 tahun adalah sama rendahnya seperti bagi mereka yang tidak pernah merokok sama sekali.

TINDAKAN UNDANG-UNDANG

Mengadakan pendidikan kesihatan untuk orang ramai sebagai langkah pertama mungkin dapat menjauhkan orang ramai daripada mengamalkan tabiat yang memudatkan kesihatan dan membawa maut ini. Makalah seumpama ini mungkin merupakan salah satu utusan yang berkesan dalam usaha melarang orang ramai daripada mengamalkan tabiat merokok. Televisyen, film, surat-khabar, poster dan sebagainya boleh digunakan untuk menyedarkan orang ramai. Dengan memberikan nasihat secara peribadi, para doktor, jururawat, pegawai kesihatan, guru, majikan dan orang-orang yang berpengaruh mungkin mendatangkan kesan yang lebih baik. Walaupun tindakan undang-undang mungkin merupakan suatu tindakan yang melampau tetapi undang-undang yang mengharamkan orang ramai merokok di tempat-tempat awam seperti di pawagam, rumah sakit, pentas, kenderaan awam dan sebagainya patutlah dikuatkuasakan. Pengiklanan rokok disekat oleh banyak negara lain sama ada melalui undang-undang atau oleh penerbit majalah secara sukarela. Beberapa buah negara telah membuat peraturan supaya kandungan tar dan nikotin pada rokok tidak lebih daripada had yang ditentukan. Di samping itu

Jika hendak mencuba, apa kiranya ianya dimulakan pada bulan puasa di tahun mana saja pun? Jika seseorang dapat menahan dirinya daripada merokok selama 14 jam atau lebih sewaktu puasa maka apakah sulitnya menahan diri daripada merokok untuk beberapa hari atau minggu atau bulan atau seterusnya tahun?

dimestikan juga supaya dinyatakan tentang bahayanya merokok pada setiap kotak rokok. Memahalkan harga dan menaikkan cukai barang-barang yang diperbuat daripada tembakau mungkin menjauhkan orang daripada merokok. Penjualan rokok kepada orang-orang yang belum dewasa patutlah diharamkan kerana merokok lebih mudah mendatangkan kemudatan kepada mereka yang mengamalkan tabiat merokok sejak umur mereka masih muda lagi.

Adakah cara yang cepat untuk menghentikan tabiat ini? Malangnya tidak, kecuali dengan azam yang kuat. Utamakanlah kesihatan awda dan janganlah menjadi hamba kepada nikotin perosak kesihatan! Hanya segelintir saja bilangan para perokok yang dapat diubah dengan ubat dan dengan cara pilihcara jiwa yang tertentu.

Merokok atau kesihatan? Sudahlah awda tentukan? Ada baiknya awda membuat keputusan sekarang juga. Jika awda hendak berhenti merokok, ada baiknya pilihlah hari yang istimewa pada suatu tahun berkenaan, sebagai hari awda mula berhenti merokok supaya kemudiannya kelak awda akan senang mengingat hari awda mula berhenti merokok. Apabila dikenang kembali saat menghentikan tabiat merokok, seseorang akan dapat berbangga kerana berjaya melakukannya. Jika hendak mencuba, apa kiranya ianya dimulakan pada bulan puasa di tahun mana saja pun? Jika seseorang dapat menahan dirinya daripada merokok selama 14 jam atau lebih sewaktu puasa maka apakah sulitnya menahan diri daripada merokok untuk beberapa hari atau minggu atau bulan atau seterusnya tahun? Kerana ianya hanya sekadar menambah masa menahan diri dari merokok. Jika awda masih juga berdegil merokok, maka dengarlah nasihat ini supaya dapat mengurangkan kemudatan-nya. Jangan disedut asap rokok secara melampau, apabila menyedut, segera jauhan rokok dari bibir, sedut sedikit sahaja, jarakkan sedutan dan buanglah puntung rokok ketika ianya masih panjang lagi.

Khutbah Pertama:

ALLAHU AKBAR, ALLAHU AKBAR,
ALLAHU AKBAR.

Saudara-saudara umat Islam yang dikasihi:

MARILAH kita memperkuat darjat ketakwaan kita dengan memperbanyakkan amalan ibadat seberapa daya yang boleh kita buat selagi kita masih bernafas. Mudah-mudahan ketaatan kita itu menolong kita melepaskan diri dari tarikan azab hari kiamat dan menghampirkan kita kepada nikmat-nikmat yang telah disediakan-Nya di dalam Syurga. Buatlah ketaatan itu pada tiap-tiap waktu, bukan hanya sekadar pada waktu yang tertentu seperti bulan Ramadan, seperti ketika berada di Mekah waktu mengerjakan ibadat haji. Ingatlah Allah Taala senantiasa, lebih-lebih lagi azab dan siksa-Nya diutamakan diingati, bukan ingat pada waktu sakit dan sempit dan lupa kepada-Nya di waktu sihat dan lapang dengan berbagai maksiat.

Alhamdulillah, hari ini kita telah dipertemukan oleh Allah dalam suasana riang gembira, sesuai seperti kata ulama bahawa hari raya itu dinamakan hari raya (aid) kerana dia selalu datang berulang kepada umat Islam dengan membawa berbagai buah tangan iaitu ihsan dan faedah daripada kurnia Allah Taala kepada hamba-Nya yang telah sebulan lamanya sebelum daripada ini berjuang berhempas pulas melawan musuh mereka yang tidak boleh dilihat dan tidak boleh diketahui iaitu iblis alailah laknat.

IBLIS KALAH

Pada hari ini iblis telah kalah dan ia berdukacita, marah dan kecewa, tetapi dia tidak pernah putus asa, kerana sungguhpun sebahagian daripada umat manusia menang tentu ada sebahagian kecil yang kalah ditakluk di bawah kuasa iblis, ini diriwayatkan daripada Wahab bin Munabbih radhi Allah Taala anhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang kita sebutkan maknanya dalam bahasa Melayu:

"Bahawa iblis akan berteriak-teriak pada tiap-tiap hari raya maka berkumpul kaum keluarga iblis lalu bertanya: Wahai penghulu kami mengapa tuan begini? Adakah yang menjadikan tuan marah itu berada di bumi atau di langit atau di gunung supaya kami pecahkan dan rosakkan dia? Iblis menjawab: Allah Taala telah mengampunkan umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada hari raya ini. Maka hendaklah kamu menjadikan mereka gagau dan lalai dengan segala kelazatan dan minum arak sehingga Allah Taala murka kepada mereka."

Khutbah Kedua: Hari Raya diuntukkan Allah bagi yang berpuasa

ULAMA telah membuat perbandingan bahawa hari raya yang dirayakan di dunia ini adalah sama bandingannya dengan hari raya yang akan berlaku pada hari akhirat. Al-Imam Anas bin Malik mengatakan salah satu hari yang dinamakan hari raya pada orang Islam ialah pada hari seseorang itu berjalan melimpasi titian (As-Sirat) pada hari kiamat dan terlepas daripada kacak-bilau hari kiamat itu dan terlepas daripada tuntutan-tuntutan orang-orang lain serta dari tangan malaikat Zabaniyyah. Ulama berkata: "Pada hari raya itu kita melihat orang yang lalu-lalang ke sana ke

mari sebahagian dengan menggunakan kenderaan yang laju, sebahagiannya berjalan kaki, sebahagian dengan memakai pakaian yang lusuh, gumal dan berbau masam, sebahagian pula ada yang tidak terdapat pakaian, sebahagian ada yang tertawa riang gembira tetapi sebahagiannya lagi menangis berdukacita."

Maka Allah Taala memberi ingatan akan hari kiamat itu lebih awal lagi supaya manusia mengambil peringatan tentang nasib untung yang akan diterima atau nasib rugi yang akan menimpa, seperti yang disebutkan dalam Surah Maryam ayat 85 hingga 87 tafsirnya:

"Ingatlah hari Kami

himpunkan orang-orang yang bertakwa untuk mengadap (Allah) Al-Rahman dengan berapa suka? Dan Kami mengira yang orang-orang yang bersalah ke neraka Jahanam dalam keadaan dahaga. Mereka tidak berhak mendapat dan memberi syafaat kecuali orang yang telah mengikat perjanjian (dengan iman dan amal yang salih) di sisi Allah yang melimpahkan rahmat-Nya."

PEPERIKSAAN

Demikianlah pandangan zahir yang dapat dilihat dan diukur. Maka pada hari ini yang merasakan hakikat kegemilangan itu yang bukan pada zahir pakaian, kenderaan, makanan,

minuman, dan hidangan, ialah orang-orang yang telah berjaya menempuh peperiksaan Allah Taala, kerana untuk mereka inilah Allah Taala telah menguntukkan hari ini dan merekalah yang berhak berbuat demikian pada kesudahannya. Seperti firman Allah dalam surah Yunus ayat 58, tafsirnya: "Katakanlah (Wahai Nabi Muhammad) kedatangan Al-Quran itu adalah semata-mata dengan limpah kurnia Allah dan kasih sayang-Nya, maka dengan kedatangan Al-Quran itulah hendaknya mereka bersukacita (bukan dengan lainnya) kerana ia lebih baik daripada apa yang mereka himpulkan (dari segala benda dan perkara yang tidak kekal)"

MEMPERINGATI KEMENANGAN BUKAN DENGAN PESTA

KEMENANGAN

Maka untuk menyempurnakan makna kemuliaan hari raya ini, untuk menyempurnakan makna kemenangan di atas iblis dalam peperangan bulan Ramadan, hendaklah kita jangan lupa daratan, jangan lupa batas-batas yang telah ditentukan oleh Allah. Jangan bertindak seperti harimau lapar lepas kurungan, apabila keluar daripada kurungan iapun menerkam apa saja yang dijumpainya di hadapannya sehingga ia terkeluar daripada batas halal dan pahala, lalu masuk semula ke dalam penjara iblis yang menghiasi segala perbuatan haram dan dosa dengan indah sehingga segala perbuatan haram dan dosa itu cantik dan menarik seperti firman Allah Taala dalam surah Al-Hijaz 29 hingga 42.

Tafsirannya:

"Iblis berkata kepada Allah: Wahai Tuhanku kerana Engkau telah menjadikan aku sesat maka demi sesungguhnya aku akan memperelokkan segala jenis maksiat kepada Adam dan zuriatnya di dunia ini, dan aku akan menyesatkan mereka semuanya. Kecuali zuriat-zuriat Adam itu hamba-hamba-Mu yang bersih daripada sebarang syirik. Allah berfirman inilah suatu jalan yang lurus yang tetap Aku memeliharanya. Sesungguhnya hamba-hamba-Ku tiadalah bagi mu sebarang kuasa untuk menyesatkan mereka, kecuali sesiapa yang menurut-mu dari orang-orang yang sesat (dengan pilihannya sendiri)."

PENGHAPUS DOSA

Pada bulan puasa Allah Taala memberikan kesempatan kepada manusia dengan seluasnya untuk menjauhkan iblis, dengan membelenggu iblis dan menutup pintu neraka. Allah Taala menjadikan bulan Ramadan itu Mukaffir atau penghapus dosa sehingga kepada Ramadan yang lagi satu, jikalau dosa-dosa besar tidak dilakukan seperti sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam :

Ertinya : "Sembahyang lima waktu, sembahyang Jumaat hingga Jumaat yang lain dan satu Ramadan hingga kebulan Ramadan yang lain adalah menghapuskan dosa yang dilakukan di antara kedua-dua bulan itu jikalau dijauhkan dosa besar."

Oleh sebab itu pada hari raya ini, hendaklah umat Islam menghormati hari raya dengan ingat kepada Allah, berbuat baik sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam :

Ertinya : "Hendaklah kamu bersungguh pada hari raya fitrah pada membuat sedekah, amalan-amalan kebajikan dan taat seperti sembahyang, zakat, bertasbi (mengucap Subhanallah) dan bertahlil (mengucap Lailahailallah) kerana inilah hari yang Allah Taala mengampunkan dosa-dosa kamu dan mempergunakan doa-doa kamu dan memelihara kamu dengan rahmat."

PESTA

Oleh sebab itu, hendaklah kita fahamkan pelepasan seseorang daripada api neraka bukan dengan membuat segala yang haram, minuman haram. Hendaklah melepaskan diri daripada neraka pada hari mulia ini bukan dengan mengadakan pesta tari-menari bukan dengan mengadakan rancangan lagu-lagu asmara dan dasyus, bukan itu, kerana itu semuanya adalah cara syaitan.

Allah Taala telah memberi ingatan kepada kita supaya berjaga daripada jalan-jalan yang telah disediakan oleh musuh mereka yang kekal abadi itu. Dan Allah Taala memberitahu ia senantiasa memenangkan hamba-hamba-Nya yang salih dan ikhlas beribadat kepada-Nya. Sebaliknya tiada ada pertolongan bagi orang yang memilih jalan sesat.

Di dalam kehidupan kita di Negara Brunei Darussalam yang merdeka ini bercita-cita hendak mengekalkan suasana aman damai, tenteram, sentosa, makmur dan taat kepada raja serta perintah adalah tujuan utama kita. Hanya orang-orang yang berdisiplin dan mempunyai daya tahan dalam jiwanya dengan iman dan ihsan kepada Allah sahaja yang boleh berbuat demikian. Orang-orang yang telah digoda iblis, orang yang menjadi hamba hawa nafsu tidak akan dapat menjadi harapan pada menggalakkan cita-cita ini maka insafilah wahai kaum Islam jadikanlah hari raya ini sebagai batas bagi membuang mana-mana yang sudah berlalu dan hendaklah kita memperbanyakkan diri bertaubat dan beramal salih untuk mencari keampunan Allah Taala.

Khutbah Hari Raya Aidilfitri

Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam telah membawa Al-Quran yang di dalamnya terkandung segala suruhan Allah termasuk puasa, maka orang yang beriman dan bertakwa bergembira setelah menunaikan perintah Al-Quran yang lebih baik dan maha kekal daripada yang diperbuat oleh orang-orang yang lalai itu.

SEKEPING ROTI

Marilah kita mengikuti cerita Sayidina Ali bin Abi Talib seperti yang diriwayatkan dalam kitab Nujhatul Majalis bahawa pada suatu hari raya datanglah seorang lelaki mengaga Sayidina Ali bin Abi Talib dan dilihatnya pada masa hari raya itu Sayidina Ali radhiallah

anhu sedang memakan sekeping roti yang kasar. Maka berkata lelaki : "Wahai Amirul Mukminin, ini hari raya dan tuan hanya makan sekeping roti kasar? Maka jawab Sayidina Ali: "Hari ini hari raya bagi orang-orang yang diterima puasanya dan disyukuri segala usahanya dan diampuni segala dosanya. Hari ini hari raya bagi kita, esok pun ada hari raya bagi kita, dan pada tiap-tiap hari yang kita tidak membuat maksiat kepada Allah Taala, maka tiap-tiap hari itu ada hari raya bagi kita."

Demikianlah sebenarnya konsep hari raya yang dituntut oleh Islam yang digambarkan pada per-

Puasa Ramadan: Pendidikan yang tinggi nilainya

MARILAH kita sama-sama bertakwa ke hadirat Allah dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Dengan menjelangnya subuh hari raya yang baru saja lalu bererti setiap orang Mukmin telah berjaya melaksanakan ujian fardu puasa selama sebulan. Dengannya juga telah berjaya dari berjihad melawan hawa nafsu dan runtunan jahat syaitan. Dengan kejayaan kita menghadapi cabaran dan godaan hawa nafsu itu maka Allah Taala telah mensyarakkan kepada setiap orang yang beriman kepada-Nya berhari raya dengan diharamkan berpuasa pada hari itu bagi melahirkan kegembiraan dan kesukaan dengan bertakbir menjelang masuknya malam hari raya berkumpul beramai-ramai sembahyang hari raya. Bertukar-tukar tahniah dan ucapan dan bermaaf-maafan sesama orang-orang Islam sebagaimana hadis Rasulullah yang maksudnya kira-kira: "Ada dua kegembiraan bagi orang yang berpuasa itu, iaitu kegembiraan ketika berbuka, dan kegembiraan ketika ia bertemu dengan Tuhannya." Kegembiraan di hari raya itu adalah termasuk di dalam maksud ketika berbuka. Tetapi bila kita renung semua sambil bergembira menyambut hari raya itu, secara tidak langsung akan terbayang di fikiran kita suatu persoalan iaitu apakah sebenarnya yang telah dapat kita capai dan pelajari dari amalan-amalan berpuasa yang baru saja kita lakukan itu?

Bulan Ramadan yang baru saja kita berada di dalamnya itu sekiranya dikaji secara terperinci kita akan dapati ia ini adalah merupakan sebagai suatu pendidikan yang tinggi nilainya dan bulan menyemai segala kebaikan. Kerana sebagaimana kita maklum bahawa ibadat itu hanya akan dapat terbentuk di dalam jiwa seseorang adalah dengan melalui latihan dan pengalaman-pengalaman serta amalan-amalan yang berulang-ulang dan memakan masa seterusnya menjadi adat, dan adat itu pula akan menjadi perangai dan tabiat yang kekal hanya dengan melalui latihan dan amalan yang berulang. Ramadan yang baru saja lalu meninggalkan kita adalah merupakan bulan latihan, melatih jiwa dan hati kita

dengan meresapkan ibu segala kelebihan, dan tatacara hidup yang tinggi dan murni, kerana dengan amalan berpuasa selama sebulan itu kita telah diajar berhati-hati mengingat Allah, membersihkan jiwa dan damir kita. Maka dengan itulah orang-orang berpuasa dengan bersungguh-sungguh adalah tergolong ke dalam golongan orang-orang yang menerima latihan dan didikan. Dan orang yang seumpama ini adalah digolongkan orang yang bertakwa, kerana amalan ibadat seperti puasa adalah bertujuan membentuk sifat takwa bagi orang-orang yang beriman.

Di dalam Islam hari raya puasa adalah merupakan salah satu hari raya perayaan bagi penganut-penganutnya

untuk bergembira dan bersuka ria. Begitulah anggapan umat Islam sejak zaman Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam hinggalah sekarang ini. Dalam hubungan itu kita perlulah ingat dan faham benar-benar bahawa kesukaan dan kegembiraan yang dibenarkan oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam untuk dilahirkan oleh orang Islam di hari raya yang mulia ini adalah mempunyai tujuan yang suci, yang mana sudah tentunya sangat berbeza dengan tujuan-tujuan dalam kegembiraan dan kesukaan lain-lainnya. Oleh itu kegembiraan dan juga kesukaan di hari raya yang dimaksudkan itu tidaklah dapat kita samakan dengan kegembiraan dan kesukaan seperti seseorang ketika berseronok-seronok me-

nyaksikan pertandingan bola sepak umpamanya. Sebab tujuan kegembiraan dan kesukaan orang-orang Islam di hari raya ini bukan hanya untuk melahirkan atau meluahkan rasa gembira dan suka dari sifat-sifat mereka yang zahir semata-mata, kerana telah berjaya melaksanakan ibadat puasa selama sebulan itu dengan penuh keimanan dan keredaan, tetapi kegembiraan dan kesukaan itu adalah juga merupakan satu cara untuk mereka melahirkan rasa kepuasan rohani atau jiwa yang dipenuhi dengan mengenal bersyukur dan bertakwa yang amat tinggi nilainya di sisi Allah.

Oleh hal yang demikian, dalam keadaan kita bergembira dan bersuka ria di hari



raya ini, maka wajiblah bagi kita umat Islam menjaga tujuan yang tersebut itu. Tidakkah boleh sekali-kali kita melakukan perkara-perkara yang dapat dianggap melanggar prinsip-prinsip bersyukur dan bertakwa kepada Allah, kalau perbuatan yang seumpama itu kita buat dan lakukan juga pada hari raya ini, maka bererti kita telah meruntuhkan kekuatan takwa yang kita telah bina di dalam diri kita masing-masing menerusi ibadat puasa yang kita telah laksanakan selama sebulan itu sendiri. Kalau

ini benar-benar berlaku, maka betapalah sia-sianya kita berpenat lelah dan berlamar dahaga selama sebulan penuh itu. Tegasnya untuk menjaga rasa bersyukur dan bertakwa kepada Allah di mana kita bersuka dan bergembira di hari raya ini, maka hendaklah kita sentiasa menjaga dan mengawasi hukum halal dan haram di dalam syarak. Ketika bersuka dan bergembira itu biarlah sentiasa di dalam garisan lunas-lunas keIslaman dan jangan sekali-kali melintasi dari garisan itu.

Menuju keredaan Allah

ORANG MENGUMPAT SEPERTI MAKAN DAGING BANGKAI TEMANNYA

raya sudah menjauhi; apakah dosa baru akan datang lagi? Selaku manusia kita selalu menghadapi kesilapan dan kesalahan kerana kita makhluk yang lemah di sisi Tuhan. Akan tetapi ada dosa yang disenghajakan tanpa disedari, walaupun disedari ianya dianggap tidak apa-apa, kerana tidak membawa risiko yang besar bagi fikiran mereka.

Perkara tersebut seperti mengumpat dan membongkar rahsia sesama kita. Ianya merupakan perbuatan lumrah di kalangan masyarakat dewasa ini baik dalam golongan terpelajar, pegawai-pegawai kerajaan dan lain-lainnya, di mana perbuatan mengumpat itu selalunya tidak disedari, malah ianya pula merupakan bahan perbualan di mana-mana sahaja kita terjumpa satu-satu kumpulan atau kelompok seperti di majlis-majlis kahwin, kenduri, di kedai-kedai kopi dan lain-lainnya. Semuanya ini didorong oleh beberapa faktor yang terdapat pada diri seseorang yang melakukannya itu seperti hasad dengki di mana ingin memuaskan hatinya disebabkan kemarahan lalu dibongkar segala rahsia orang yang dianggap musuhnya itu.

Ikut-ikutan atau membantu dan menyokong kawan yang mengumpat kerana tidak ada pendirian demi mengambil hati kawan tersebut, mahu menunjukkan sikap bahawa dianya yang lebih pandai atau bijak dari orang lain, menyindir dengan cara berjenaka, meniru-meniru kecacatan orang berkenaan sehingga menjadi bahan tertawa dan lain-lain faktor lagi. Kesimpulannya mengumpat itu dapat dipendekkan seperti sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bermaksud: "Mengumpat itu, ialah menceritakan hal orang lain tentang hal yang tidak disukai."

Semuanya ini merupakan sifat cela bagi seorang itu di mana Allah telah menegaskan perbuatan mencela dan mengumpat itu adalah menunjukkan keredaan budi seseorang. Dalam Al-Quran surah Al-Hujarat ayat 11 ada dinyatakan firman Allah bermaksud: "Hai orang-orang yang beriman, janganlah satu kaum mengolok-olokkan kaum yang lain kerana boleh jadi mereka yang diolok-olokkan lebih baik dari mereka yang mengolok-olokkan dan janganlah pula wanita (mengolok-olokkan) wanita-

wanita lain kerana boleh jadi wanita-wanita yang diolok-olokkan lebih baik dari wanita-wanita yang mengolok-olokkan." Ternyata Al-Quran begitu mengambil berat tentang perbuatan mengumpat itu sehingga Allah sendiri mendalilkan atau menyamakan perbuatan tersebut dengan satu perbuatan yang keji, kotor dan najis seperti mana firman-Nya dalam surah Al-Hujarat ayat 12 yang bermaksud: "Jangandah hendaknya seseorang kamu mengumpat yang lain, apakah suka kamu memakan daging bangkai temannya sendiri. Tentu tidak bukan."

Memang tidak dapat dinafikan setiap kita ketemu kawan-kawan, sahabat handai atau duduk-duduk bersembang ada-ada sahaja perkara yang menjadi topik perbualan, rasanya tanpa ada perkara-perkara yang lumrah diperkatakan serasa kita seperti minum kopi tanpa gula, kadang-kadang kita bercakap tentang harga-harga barang, kereta-kereta baru, pengalaman melancong keluar negeri atau ada jua yang berani-berani memperkatakan dasar kerajaan, semuanya ini tidak dapat dinafikan kerana kita hidup dalam sebuah negara yang merdeka yang rakyat

dan penduduknya telah banyak melihat dan mendengar akan perkembangan dan pergolakan dunia melalui penyebaran am seperti Radio dan TV serta bahan-bahan bacaan yang boleh menjadi contoh bagi mereka. Pokoknya jika percakapan itu merupakan sesuatu yang baik tidak terkeluar dari apa yang dapat dianggap mengumpat atau tidak mendatangkan kemudharatan kepada kita maka ianya merupakan satu kesedaran yang ingin mahu memperbaiki dirinya atau masyarakat. Sebaliknya jika semuanya itu hal-hal yang mempersalahkan satu pihak atau menghaja mencari atau mahu menunjukkan kesalahan pihak berkenaan maka sudah tentu bererti ianya membawa kerosakan dan tidak sihat malah lebih dari mengumpat.

Untuk membenters sifat suka mengumpat itu biarlah kita perturunkan pendapat dalam Ihya Ulumiddin susunan M.Said menyatakan membenters lidah yang suka mengumpat, dengan jalan seperti berikut:

* Mestilah diinsafi, bahawa mengumpat itu adalah pelanggaran terhadap Allah, ini bisa menjadi murka-Nya Tuhan. Bila

orang sudah besar, bahawa apa yang sudah dilarang oleh hadis Nabi tentang hal mengumpat itu, ia akan segan meluncurkan kata-kata yang bersifat mengumpat.

- * Hendaklah mengoreksi kesalahan sendiri, bila ada hendaklah diperbaiki seperti ajaran Nabi bermaksud: "Syurgalah buat orang yang mahu mengoreksi kesalahan sendiri, daripada mengoreksi kesalahan orang lain."
- * Hendaklah malu, bila ada gajah di kelopak mata tidak kelihatan sedang kuman di seberang lautan nampak.
- * Hendaklah insaf, sebagaimana ia akan merasa sakit hatinya bila perasaannya tersinggung, demikian juga perasaan hati orang lain. Kerananya janganlah sampai menyinggung perasaan orang lain.
- * Pendeknya orang yang kuat imannya, tahu mengekang lidahnya dari mengumpat orang lain.

Mengumpat dengan hati (salah sangka) itu haram. Allah berfirman dalam surah Al-Hujarat ayat 12 yang bermaksud: "Hai orang-orang yang beriman, jauhilah banyak sangka, sebab di antaranya ada yang menjadi dosa."

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS... Siri ke-282

PUAK BATINIYYAH

(Sambungan)

Jikalau Ahmad Khan balik hidup dalam kurun 20 Masihi, nescaya ia bertaubat balik semula ke dalam Islam, sebab dia akan lihat perkelahian, peperangan, mahkamah lepas satu mahkamah didirikan, berkesudahan dengan pembunuhan, huru-hara, kesengsaraan, kezaliman, dan penganiyaan, ke atas manusia seluruhnya di Eropah, Di Amerika Utara dan Selatan, di Asia dan di Russia, sebab mereka semata-mata berpegang kepada ideologi yang terbagi-bagi kepada adat sematamata, mereka buta tuli dan jauh dari suasana ajaran Allah, jauh dari suasana menyuruh kasihan-belas rahmat dan ihsan damai di antara manusia. Tetapi Ahmad Khan akan dapat balasan jenayah yang dibuatnya ke atas Allah dan rasul-Nya dan umat Islam.

Ulama Islam telah menghukumkan dia kafir, murtad dan keluar dari agama Islam, dari semenjak dahulu kala, seperti Al-'Allamatus Said Jamaluddin Al-Afghani dalam risalahnya "Ar-Raddu 'Alad Dahriyyin" dalam bahasa India, Farsi dan Arab, sebagaimana tersebut dalam kitab Al-Fikrul Islamiyyul Hadith, Wasilatuhu Bil Isti'maril Gharbi oleh Doktor Muhammad Al-Bahi Mesir, dan dalam kitab Yatimatul Imani Fi 'Ulumul Quran, oleh Al-'Allamatus Muhaiddithu Asy-Syeikh Muhammad Yusof Al-Banuriyul Hindi, Pengasas Universiti Al-'Ulumul Islamiyyah Kerachi. Dan anggota dalam lembaga Majma'ul Buhuthi di Al-Azhar Mesir, dan anggota Lembaga Masjid-masjid Sedunia di Rabatatul 'Alamil Islami Makkatul Mukarramah.

Di Pulau-pulau Gugusan Melayu, masa penjajahan, musuh-musuh Islam membangkitkan masalah Khilafiyah dalam perkara amal ibadat, bagi meributkan fikiran orang awam Islam, supaya mereka lalai dari membaiki keadaan ilmu pengetahuan mereka, dan leka dari meninggikan taraf pencarian dan kehidupan umat Islam.

Mereka bangkitkan masalah 'Usalli' masalah Talqin, masalah Qunut, Tahliil, Maulid dan lain-lain masalah-masalah kecil yang tiada ada faedah dibicarakan kerana perkara seperti itu telah disebutkan dalam kitab-kitab Fiqh umat Islam, siapa yang suka pakai dia pakai dan siapa yang tiada suka pakai, dia tinggalkan, samalah kedudukannya seperti sedekah dan sembahyang sunat. Ada orang mengambil peluang mengerjakan yang sunat setelah ia mengerjakan fardu, dan yang lain tiada ada masa baginya mengerjakan yang sunat kerana kesuntukan masa hanya ia dapat mengerjakan yang fardu sahaja. Tetapi musuh-musuh Islam menjadikan perkara itu sebagai besar dan mustahak dalam Islam dengan tujuan menggangu fikiran dan memalingkan semangat umat Islam dari penjajahan yang mencekamkan kemaraan umat Islam itu.

Orang Orientalis seperti Snoke, penasihat Belanda bagi Hal-ehwal jajahan takluknya, Snoke itu apabila bercampur dengan ahli-ahli ilmu Islam dan kiai-kiai, ia

berkata dan memburuk-burukan orang Islam yang berpelajaran Belanda, dan manakala ia berada dalam kumpulan orang-orang Islam yang berpelajaran Belanda, maka ia pula mengejek-ejek akan kekolotan dan mundurnya ahli-ahli ilmu Islam dan kiai-kiai, beginilah an-cuman/hasutan orang-orang orientalis itu bagi memecah-belahkan umat Islam dan mengejek-ejek agama Islam dan penganut-penganut Islam dan menyeru memisahkan agama dari dunia, dan dunia agama Islam. Ini sebagaimana dikehendaki oleh orang yang mengetahui dan orang yang dipercayai kepada saya.

Ajaran salah dan sesat adalah merbahaya kepada kedudukan Islam yang tulen:

Dalam perjalanan saya pergi ke Magdisyu Somalia, bagi menghadiri persidangan Mu'tamarul 'Alamil Islami, Pertubuhan Rakayat, Presidennya Al-'Allamatus Said Muhammad Amin Al-Husaini, Muf-ti Palestin yang terkenal yang mati pada tahun 1974 Masihi (1384 Hijrah) Rahimahullah, saya sebagai pemerhati dari pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, Ayyadahullahu Ta'ala, pada bulan Disember tahun 1964, maka saya telah menumpang sebuah kapal terbang Pakistan dari Kerachi melalui Bandar Edan, maka didapati dalam kapal terbang yang sama ketua puak Isma'iliyah (anak Aghanu Khan), kami mendarat pada waktu subuh jam 5 pagi, maka saya dan lain-lain sembahyang Subuh di suatu sudut lapangan terbang Edan, dan ketua puak Isma'iliyah anak laki-laki Agha Khan itu telah disambut oleh banyak orang-orang Isma'iliyah dalam suatu majlis yang besar dalam suatu khemah didirikan di ruang lapangan kapal terbang itu, dan majlis itu berlarutan sampai

siang hari. Saya dan kenalan-kenalan daripada orang Pakistan menguruskan perjalanan ke Muqaddisyu pada hari itu, kemudian saya diajak orang-orang Pakistan ke satu tempat di kawasan Edan lama berhenti di rumah seorang India. Manakala saya tanya siapa dia tuan rumah ini. Kata setengah-tengah orang Pakistan tuan rumah ini orang Isma'iliyah seorang doktor, waktu kami tiba dia sedang melayan hal-ehwal kami. Nampaknya doktor itu seorang yang senang di Kawasan Edan lama itu.

Masa saya berada di Edan, saya dapati orang-orang Edan sedang berjuang dengan tentera British, di pasar orang-orang Edan membunuh orang-orang yang disyaki dan askar British berkubu di atas loteng-loteng rumah dalam bandar dan yang lain memeriksa motokar mencari senjata dan bom, saya berasa cemas melihat keadaan seperti itu, sekalipun bandar Edan sibuk sebagaimana biasa.

Apa yang saya hendak katakan dalam hal ini, bahawa di Negeri Edan ada banyak puak Isma'iliyah bagaimana saya lihat, dan banyak puak Batiniyyah di kampung-kampung negeri Edan bagaimana kata Al-'Allamah Dato' Sain 'Alawi bin Tahir Al-Haddad dalam 'Uqudu'l Al-Mas, dan orang-orang yang berjuang itu orang-orang Edan, berjuang kerana kebangsaan dan maraahkan penjajahan, dihasut oleh komunis dan sosialis yang bertapak di Mesir, dan Iraq dan Sham, bukan dan sosialis yang bertapak di Mesir dan Iraq dan Sham, bukan kerana agama Islam, dan semangat segala Islam pada mereka tiada dapat tempat yang penuh, maka apabila mereka lepas dari belenggu penjajahan maka mereka masuk pula dalam belenggu komunis, lepas dari mulut harimau masuk ke mulut buaya. Dan sekolah-sekolah yang ber-

corak akademik di Edan itu, tiada berguna kepada agama Islam, kerana pelajaran akademik itu berasaskan kebendaan dan kerana mencari makan dan makan gaji, dan tiada mementingkan agama Islam, ketua-ketua pejuang dan orang-orang itu, tiada bersemangat agama Islam dan bukan kerana agama Islam, hanya mereka berjuang kerana kebangsaan dan maraahkan penjajahan dan hanya mengikut arahan pihak yang ketiga yang mencari pengaruh dan kesempatan iaitu orang-orang Marx dan kuncu-kuncunya (komunis). Ini semua patut menjadi ingatan kepada umat Islam mengekalkan pondok-pondok pelajaran Islam, surau-surau pelajaran Islam, majlis-majlis pelajaran, sekolah-sekolah agama Islam dan diratakan pelajaran agama Islam itu kepada kampung-kampung, desa-desa, di mana teluk rantau ada umat Islam di dalam negeri-negeri Islam. Di samping umat Islam mempelajari ilmu-ilmu bagi maslahat hidup dalam dunia bekal akhirat dan di samping ada pelajaran Islam merata-rata rantau, di mana ada orang Islam, dihidupkan semangat dan cinta kepada agama Islam.



Serta ditinggikan mutu-mutu pelajaran Islam yang ada itu dari satu ke satu masa dalam tempat-tempat pelajaran, dan dibaiki semangat umat Islam tentang agama Islam seperti contoh yang dibuat oleh pusat pelajaran Al-Azhar di Mesir itu, gerakan agama yang rancak dan menubuhkan rumah-rumah pelajaran agama merata-rata tempat di Negeri Saudi semenjak dahulu lagi dan seperti sekolah-sekolah agama yang merata-rata tempat dan di desa di Negeri Johor dan Brunei. Dengan cukup sempurna pakaian menurut adab dan ajaran Islam, bagaimana tersebut dalam risalah tulisan saya bernama "Peribadi orang Islam" yang diterbitkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Brunei.

WALLAHUAKLAM

Bersambung

Didenda kerana tak puasa

BANDAR SERI BEGAWAN. — Mahkamah Kadi Daerah Brunei dan Muara telah menjatuhkan hukuman denda kepada dua orang kerana didapati menghisap rokok di khalayak ramai di siang hari dalam bulan Ramadan minggu lalu.

Mereka yang didenda itu terdiri dari Awang Marzuki bin Haji Kassim/Haji Kassim yang berasal dari Kampung Masjid Lama Muara. Beliau telah didenda sejumlah \$45.00. Sementara Awang Said bin Mohammad berasal dari Kampung Bukit Salat telah didenda sebanyak \$40.00.

Sejauh ini seramai 38 orang telah didenda kerana didapati melanggar Peraturan Puasa dalam bulan Ramadan.

PESTA AIDILFITRI BAKTI

BERAKAS. — Badan Kebajikan Isteri-isteri Pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (BAKTI) akan mengadakan Pesta Hari Raya Aidilfitri bagi meraikan anak-anak yatim BAKTI pada 5 Julai depan di Mess Pegawai Berakas Garison.

Majlis yang bermula pada jam 2.30 petang pada hari tersebut akan mengandungi persembahan-persembahan nyanyian, tarian dan permainan, serta penyampaian cenderamata kepada anak-anak yatim BAKTI. Majlis akan diadabul dengan ucapan dari Pengerusi BAKTI Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Dari muka 4

buatan Sayidina Ali Ibnu Abi Talib itu, dan pada bulan Ramadan kita dilatih supaya jangan lagi membuat maksiat sama ada yang kecil atau yang besar pada bulan yang lain sesudah Ramadan yang dimulai pada awal Syawal. Jikalau kita dapat membuat seperti ini maka itulah dengan makna berhari raya yang sebenar-benarnya. Tetapi di zaman moden ini, manusia bertambah moden hanya mengerti banyak perkara lahir sehingga dosa dan pahala pun hendak diukur secara lahiriah mengikut angka.

Disebabkan terdidik dengan didikan yang berunsurkan harta benda dan ukuran angka, dari segi kekuatan sains, ekonomi dan sebagainya tidak dapat tidak penyakit moden telah timbul, ditimbulkan oleh angka, ditimbulkan oleh cinta benda, dan penyakit ini merosakkan moral, rosak kepercayaan kepada Allah, merosak budi

pekerti dan merosakkan masyarakat manusia. Penyakit inilah yang melahirkan sifat merbahaya yang menakutkan, seperti sesama sendiri suka berkelahi, jatuh menjatuhkan, rosak merosakkan, dan akhirnya datang musuh mengalahkan kedua-dua pihak yang bertentangan itu menguasai mereka atau musuh menolong mereka rosak ranap sehingga tidak ada apa-apa lagi yang tinggal. Di mana-mana kita lihat umat Islam bergaduh sama sendiri merebutkan harta benda, kekuasaan politik, muslihat peribadi yang bertujuan semata-mata kesenangan persendirian yang semuanya akhirnya menjadikan umat Islam sendiri rugi, dimakan oleh orang lain walaupun di negara mereka sendiri, di dalam negara yang mereka berkuasa dan ramai — apakah asasnya? Kerana mereka lupakan pesanan Allah dan Rasulullah tentang tipu daya syaitan, tentang tipu daya syaitan yang berada di mana-mana.

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 26 Jun, 1985 hingga ke hari Selasa 2 Julai, 1985 adalah seperti di bawah ini: —

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
Jun												
26-30	12.29	3.48	3.49	6.39	6.40	7.51	7.52	4.52	4.38	4.53	6.09	6.10
Julai												
1-2	12.29	3.50	3.51	6.40	6.41	7.51	7.52	4.52	4.38	4.53	6.10	6.11

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.



AWANG Halim Hashim, ketika membuat pembayaran air.



JKR membekalkan air ke kampung-kampung apabila berlaku musim kemarau.

Berbanding dengan negara jiran:

KADAR BAYARAN AIR MASIH RENDAH DAN MURAH

Oleh Jaafar Haji Ibrahim
Gambar-gambar oleh
Ak Bakar PHO dan Rabae Sabli

AIR menjadi sumber utama selain dari manusia yang memerlukan, binatang dan tumbuh-tumbuhan juga memerlukan. Andainya air tiada, manusia binatang serta tumbuhan akan mati kehausan.

Menyedari betapa pentingnya bekalan air ini, maka manusia berusaha sedaya upaya untuk mendapatkan dari berbagai-bagai cara sejak berkurun-kurun lagi. Di antaranya manusia memperoleh bekalan tersebut termasuk telaga dan sungai. Kedua-dua sumber ini masih kekal hingga sekarang.

Walaupun kebijaksanaan manusia di zaman sains dan teknologi ini menyediakan ampungan (dam) dan kolam air hujan yang boleh disalurkan kepada berjuta-juta penduduk dengan sempurna, namun masih ada sebilangan penduduk di dunia ini menghadapi masalah bagi mendapatkan sumber sedemikian dalam kehidupan sehari-hari.

NIKMATI

Alhamdulillah negara kita tidaklah menghadapi masalah seumpama itu kerana seperti diketahui umum dewasa ini seluruh rakyat dan penduduk dari seluruh pelusuk tanahair telah dapat menikmati bekalan air dengan kadar bayaran yang murah.

Perbekalan air disalurkan ke seluruh daerah di Negara Brunei Darussalam. Bagi penduduk Daerah Brunei dan Muara dan juga Tutong bekalan diperolehi dari Stesen Penapisan Air Layong di Daerah Tutong dan Stesen Penapisan Tasik di ibu negara. Kedua-dua stesen ini berupaya serta beroperasi mengeluarkan air 20 juta gelen sehari. 18 juta dari Stesen Air Layong dan dua juta di Tasik.

Sementara penduduk Daerah Belait dan Seria mendapatkan bekalan air dari Stesen Penapisan Air Badas yang berupaya mengeluarkan kira-kira dua juta gelen air sehari. Manakala Stesen

Penapisan Air Sumbiling boleh memberikan kemudahan kepada penduduk Daerah Temburong. Stesen ini di masa kini berkemampuan menyalurkan kira-kira 300 ribu gelen air sehari.

Akan tetapi apa yang menjadi masalah terutama dari segi Kerajaan ialah sikap sebilangan rakyat dan penduduk yang suka membazir tanpa tujuan yang tertentu yang kini berleluasa di masa kini dan di tahun-tahun kebelakangan.

Mungkin setengah mereka

beranggapan disebabkan bayarannya yang terlalu murah. Anggapan sedemikian amatlah dikesali dan merugikan bukan sahaja kepada diri seseorang individu malahan negara menanggung kerugian yang besar dari segi ekonomi negara.

NAIKKAN

Ke arah itulah Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah mengambil langkah positif dengan menaikkan

kadar bayaran air di seluruh negara mulai 1 April 1985 yang lalu.

Pg. Dr. Ismail bin Pengiran Haji Damit, Setiausaha Tetap (Teknikal) Kementerian Pembangunan ketika mengumumkan perkara itu telah berkata bahawa langkah yang diambil oleh Kerajaan itu adalah semata-mata bertujuan untuk mengelakkan penggunaan air yang banyak yang akan boleh menjayakan perbekalan air di masa-masa depan.

Kadar kenaikan bayaran air itu menurut beliau

bukanlah bertujuan untuk keuntungan dan menyusahkan orang tetapi yang penting ialah pada menanamkan semangat berjimat-cermat di kalangan pengguna-pengguna air di Negara Brunei Darussalam ini.

Walaupun bagaimanapun jika kita amat-amati dengan terperinci kadar bayaran air yang dinaikkan itu masih rendah dan jauh lebih murah jika dibandingkan dengan harga air di negara-negara jiran yang berdekatan.

Kadar baru bagi rumah

biasa masih tidak berubah iaitu 50 sen bagi tiap-tiap 1,000 gelen bagi penggunaan yang tidak lebih 12,000 gelen. Jika penggunaan itu melebihi 12,000 gelen, maka kadar penggunaan air selebihnya itu akan dikenakan menjadi \$2.00 tiap-tiap 1,000 gelen.


BERPATUTAN

Menurut Jurutera Air Daerah, Awang Samad bin Haji Abas, penggunaan air terlalu banyak digunakan ke atas projek-projek pembinaan. Atas sebab itulah Kerajaan menaikkan kadar bayaran \$5.00 bagi tiap-tiap 1,000 gelen. Bayaran sedemikian kata Awang Samad adalah sangat berpatutan jika ditinjau dari segi penggunaannya.

Berhubung dengan langkah Kerajaan menaikkan kadar bayaran air itu, Awang Samad seterusnya menjelaskan penggunaan air di negara ini adalah terlalu tinggi jika dibandingkan dengan negara-negara jiran. Tiap-tiap seseorang memerlukan kira-kira 100 gelen air sehari.

Menurutnya kira-kira 25 juta gelen air sehari disalurkan kepada seluruh penduduk di negara ini melalui empat stesen utama iaitu Stesen Penapisan Air Layong, Tasik, Badas dan Sumbiling.

Mengenai dengan catuan air yang diadakan pada setiap malam di Daerah Brunei dan Muara, Awang Samad menambah kata catuan itu dilaksanakan adalah semata-



STESEN Penapisan Air Tasik di ibu negara yang boleh membekalkan dua juta gelen air sehari.

ORANG RAMAI PERLU LAPOR KEBOCORAN YANG BERLAKU DI TEMPAT AWAM

Dari muka 7

mata bagi menjimatkan penggunaan air di samping supaya tekanan air akan sentiasa kuat dan maksima terutama sekali di waktu pagi.

Walau bagaimanapun jelasnya, kemungkinan pada awal bulan Jun depan catuan air tidak lagi dikenakan ini memandangkan Stesen Penapisan Air di Layong sedang dalam proses pembesaran. Adalah dijangkakan Stesen ini berkemampuan mengeluarkan hingga 24 juta gelen air sehari, iaitu tambahan enam juta gelen dari yang dulu.

TERIMA KASIH

Seorang kerani di salah sebuah jabatan Kerajaan yang namanya tidak mahu disebutkan telah mengemukakan langkah Kerajaan menaikkan kadar bayaran air yang sedemikian.

Menurutnya sikap membazir adalah suatu perbuatan yang kurang sihat dan tidak


sepatutnya berlaku di kalangan orang-orang kita.

"Saya rasa mereka yang terlibat ataupun yang suka membazir itu akan dapat menghentikannya sebagai langkah menyahut hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam berjimat-cermat itu," terangnya.

Sementara seorang suri rumah tangga ketika ditemu bual oleh pihak Pelita baru-baru ini di samping mengemukakan langkah Kerajaan berjimat-cermat beliau telah mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang masih mengekalkan kadar bayaran air bagi rumah-rumah biasa.

TANGGUNGJAWAB

Jabatan Kerja Raya juga telah dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka



SEBAHAGIAN dari pemandangan Stesen Penapisan Air Layong.

Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam bagi urusan pembayaran air. Sebelum itu pembayarannya dilaksanakan oleh Jabatan Bandaran.

Pengambilan urusan pembayaran itu dibuat secara berperingkat-peringkat. Peringkat pertama bagi Daerah Brunei dan Muara telah dimulakan sejak 1 September 1984 dan ianya kini berjalan dengan lancar dan sempurna.

Urusan pembayaran air yang diambil alih oleh Jabatan Kerja Raya, kata Awang Samad adalah untuk memudahkan orang ramai kerana seperti yang diketahui pentadbiran air sebelum itu banyak menimbulkan kesulitan dan menimbulkan masalah kepada orang ramai terutama sekali dari segi pembayaran.

Pembayaran air bagi Daerah Brunei dan Muara ialah bertempat di Bahagian Pembayaran Air, Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan, Jalan McArthur di ibu negara. Oleh yang demikian orang ramai yang ingin membayar air bolehlah datang membayarnya pada tiap-tiap hari kecuali hari Ahad.



INILAH bangunan tempat Pembayaran Air yang terletak di Jalan McArthur di ibu negara.

Untuk mempercepatkan lagi tuntutan bil-bil air kepada orang ramai, Sistem Komputer telah digunakan di mana bil-bil air diproses melalui komputer.

PERKIRAAN

Langkah Kerajaan menaikkan kadar bayaran di negara ini dalam tahun 1985 adalah berhasrat pada mengelakkan penggunaan air yang terlalu banyak. Perkiraan Kerajaan ke arah itu sangatlah wajar dan bertepatan kerana jika pembaziran itu tidak dibentras dengan lebih awal ianya kelak akan boleh

membebaskan dalam erti kata yang lain ianya akan boleh menjejaskan perbekalan air di masa-masa akan datang.

Soal keuntungan bukanlah menjadi 'target' utama Kerajaan tetapi yang penting ialah pada menanamkan semangat berjimat-cermat di kalangan konsumer-konsumer di negara ini.

Perkiraan dalam perkara ini bukan sahaja terletak di bahu Kerajaan sahaja malah peranan yang dimainkan oleh orang ramai dalam hal ini adalah sangat-sangat diharapkan. Harapan itu

ialah setiap orang ramai memberikan kerjasama yang menyeluruh pada memastikan penggunaan air yang munasabah dan bukannya menggunakan sewenang-wenangnya sehingga menggalakkan pembaziran.

Orang ramai perlu melaporkan apa-apa juga kebocoran yang berlaku di tempat-tempat awam seperti di jalan raya, bangunan-bangunan awam dan sebagainya bagi membolehkan Jabatan Kerja Raya mengambil langkah untuk mengatasi kebocoran tersebut.



MENCUCI kereta seperti yang kelihatan dalam gambar ini adalah sangat merugikan betapa air terbiar begitu sahaja.

Langkah Kerajaan menaikkan kadar bayaran di negara ini dalam tahun 1985 adalah berhasrat pada mengelakkan penggunaan air yang terlalu banyak. Perkiraan Kerajaan ke arah itu sangatlah wajar dan bertepatan kerana jika pembaziran itu tidak dibentras dengan lebih awal ianya kelak akan boleh membebaskan dalam erti kata yang lain ianya akan boleh menjejaskan perbekalan air di masa-masa akan datang. Soal keuntungan bukanlah menjadi 'target' utama Kerajaan tetapi yang penting ialah pada menanamkan semangat berjimat cermat di kalangan konsumer-konsumer di negara ini.

rtb Intisari minggu ini

RADIO MINGGU INI: SIARAN ULANGAN

SETIAP rancangan-rancangan yang diterbitkan oleh radio pada kelazimannya disiarkan untuk santapan pendengar dan diulang kembali dengan apa yang dipanggil sebagai Siaran Ulangan.

Menurut landasan siaran ulangan ini, apa-apa juga yang tidak bercanggah dengan dasar penyiaran yang pada pokok persoalannya tidak menyalahkan atau mengukucak-cirikan sesuatu pihak atau golongan yang disiarkan itu

tidak akan mengalami apa-apa perubahan atau dengan kata lain ianya tidak dipotong. Ianya seolah-olah sama dengan siaran asalnya juga.

Sekarang dalam arena ini, mungkin pendengar ada yang tidak berkesempatan, maklumlah dengan kesibukan kita sehari-hari mengikuti siaran asal di setiap rancangan-rancangan Hari Raya itu umpamanya Sandiwara Radio, Keluarga Si Awang, Citrairama, Langgam Suara, Purba Jenaka dan lain-lain rancangan lagi.

Maka dewasa ini menurut putaran siaran mingguan, radio menyiarkan kembali siaran ulangannya mana-mana juga rancangan yang difikirkan oleh radio bersesuaian untuk diulang. Tidaklah keseluruhan rancangan di Hari Raya itu kesemuanya terulang, memadailah mana-mana yang boleh diketengahkan kembali.

Jadi kepada pendengar, peminat, peserta juga tidak ketinggalan penulis-penulis skrip rancangan khas di Hari Raya ini

akan berkesempatan kembali mendengarkan dan mengikuti mana-mana juga rancangan yang mereka gemari, mereka minati dan mereka sertai yang disiarkan kembali oleh radio dalam bentuk Siaran Ulangan.

Inilah peluang yang sengaja radio berikan kesempatan bagi mereka yang tidak berkesempatan mengikuti siaran asal di Hari Raya itu.

Untuk mengetahui Siaran Ulangan ini awda bolehlah mengikuti roster

siaran mingguan yang setiap minggu disenaraikan dalam akhbar rasmi Pelita Brunei dalam ruangan radio. Di sana nanti awda boleh menaget mana-mana juga rancangan yang awda inginkan untuk mendengarkannya kembali.

Pendek kata ianya tetap tersiar sebagai susunan rancangan mingguan radio yang tidak boleh tidak ianya pasti disenaraikan dengan tujuan untuk memberikan kesempatan kepada sesiapa juga golongan yang menjadi pe-

minat dan pendengar radio.

Dari pendekatan ini nanti pendengar dan peminat akan dapat membuat sukat-sukat kembali akan mutu perancangan khas Hari Raya itu sebagai perbandingan di masa-masa yang sudah dan yang terkehadapan.

Jangan lupa siaran Hari Raya ulangan akan menemui awda kembali.

Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.



Lumat Haji Basman



Othman Apong



Dk Selinna Pg Asmalee



Mohd Soffian Umar

SIAPAKAH PEMENANG MENCIPTA LAGU?

RADIO Televisyen Brunei akan menyiarkan siaran langsung Peraduan Mencipta Lagu 1985 salah satu projek yang terbesar sejauh ini dianjurkan oleh RTB, pada hari Sabtu 29 Jun, 1985 jam 8.35 malam.

Peraduan ini terbahagi kepada 3 bahagian:

BAHAGIAN KANAK-KANAK SEKOLAH

Sebanyak 6 buah lagu terpilih untuk memasuki peringkat akhir:

Lagu-lagunya :

1. Kecewa ciptaan Lumat Hj Basman
2. Kau Yang Kupuja ciptaan Othman Apong
3. Seruan Ibu ciptaan Dk Selinna Pg Asmalee
4. Jong Batu ciptaan Mohd Soffian Umar
5. Dunia Pancaroba ciptaan Awang Shari Ahmad
6. Kenangan Hidup ciptaan Ak Norahlim Pg Abdul Rahman



Kassim Abu Bakar



Suhaily Haji Awang Besar



Abdul Samad Haji Othman



Awang bin Md Yussof



Awang Shari Ahmad



Ak Norahlim Pg Abdul Rahman

BAHAGIAN ASLI

Sebanyak 7 buah lagu terpilih masuk ke peringkat akhir:

Lagu-lagunya :

1. Oh Ayah ciptaan Kassim Abu Bakar
2. Awang Semaun ciptaan Suhaily Haji Ag Besar
3. Indong Anak ciptaan Abd Samad Haji Othman
4. Tanahair ciptaan Awang bin Md Yussof
5. Belada Seorang Remaja ciptaan Hashim bin Haji Abdul Wahab
6. Semangat Berjuang ciptaan Abu Bakar Metali
7. Jong Sarat (Kain Sungkit) ciptaan Dayang Zainab Hj Ag Damit



Abu Bakar Metali



Dg Zainab Haji Ag Damit



Hashim bin Haji Abdul Wahab

Gambar-gambar suasana m



PARA jemaah junjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah sebaik saja selesai menunaikan Sembahyang Hari Raya. (gambar kiri). Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien dijunjung ziarah oleh orang ramai selepas menunaikan Sembahyang Hari Raya Aidilfitri di Masjid Omar Ali Saifuddin. (gambar kanan).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah ketika berangkat ke Masjid Omar Ali Saifuddin untuk menunaikan Sembahyang Hari Raya Aidilfitri (Gambar bawah kiri).



GAMBAR menunjukkan umat Islam berpusu-pusu memasuki kawasan Masjid Omar Ali Saifuddin di ibu negara bagi menunaikan Sembahyang Hari Raya Aidilfitri.



SEBAHAGIAN dari umat Islam yang terpaksa menunaikan Sembahyang Hari Raya Aidilfitri di pekarangan Masjid Omar Ali Saifuddin.

Jun, 1985.

ambut Hari Raya

Gambar-gambar oleh Hj. Sharbini Taha, Ak. Abu Bakar PHO, Ak. Bahar PHO, Pg. Hj. Yaakub dan Harun Rashid.



Yang Amat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan merangkap Timbalan, serta lain-lain kerabat Diraja semasa berangkat mengunjungi kediaman Yang Amat Mulia Sultan Diraja Pengiran Bahrin, Menteri Undang-undang merangkap Menteri Perhubungan, di (gambar atas).

ang
Seri
Haji
dien
en,
ang
Seri
zizir
agar
med
awal
ang
Seri
ieri
ara
ufri
mat
iran
Mal
iah,
dan
alan
ain-
nasa
bak
ukan
jaya
Ab-
dan
dan
ang
Kaya
Setia
nteri
abar



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, berbual mesra dengan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah di Ambar Kasturi.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan merangkap Timbalan Menteri Kewangan, junjung ziarah ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah (atas). Duta Besar Jepun ke negara ini Tuan Yang Terutama Tuan Tomoya Kawamura adalah di antara yang menyampaikan ucapan Selamat Hari Raya ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri di Ambar Kasturi (gambar bawah).



nya, kunjung-mengunjungi, ziarah-menziarahi serta maaf-bermaafan adalah merupakan kemuncak perayaan Hari Raya.

rtb Intisari minggu ini

SAMBUNGAN INTISARI RTB:

BAHAGIAN LANGGAM

Sebanyak 10 buah lagu telah terpilih masuk ke peringkat akhir:

Lagu-lagunya :

1. Pentas Dunia ciptaan Osman Buntar
2. Menanti Sinar Menjelang ciptaan Zulkifli Md Noor
3. Bunga-Bunga Darussalam ciptaan Zainab Hj Ag Damit
4. Kehendak Illahi ciptaan Siti Radziah Jamuddin
5. Khayalanku ciptaan Pg Yunus bin Pg Haji Ahmad
6. Kenangan Abadi ciptaan Hamdi Ibrahim
7. Esok Tiada Lagi ciptaan Abdullah Kipli
8. Seni Dan Penghidupan ciptaan Hashim Haji Abdul Wahab
9. Mimpi ciptaan Awang Mohd Yussof
10. Pergimu Tanpa Pusara ciptaan Merali Tuah.



Osman Buntar



Zulkifli Md Noor



Zainab Haji Ag Damit



Siti Radziah Jamuddin



Pg Yunus bin Pg Haji Ahmad



Hamdi Ibrahim

Sandiwara Radio:

"ANAK MENANTU"

SANDIWARA Radio Minggu Ini berjudul "ANAK MENANTU."

Kerana tamakkan harta, seseorang itu boleh bertindak yang di luar dari fikiran waras. Demikianlah halnya dengan Sudin, sepupu pada Inab yang berangan-angan benar untuk bermenantukan Hisham agar harta kekayaan yang ditinggalkan oleh ayah Hisham tidak lari ke tangan orang lain.

Bagaimanapun Hisham tidak dapat dipaksa-paksa. Ia berkahwin dengan pilihan hatinya sendiri, Zainah. Kerana perkahwinannya tidak direstui oleh ibunya, Hisham tinggal di rumah sendiri bersama isterinya tanpa

mengindahkan ibunya lagi.

Setelah dua tahun lebih Hisham tidak pernah menjenguk-jenguk ibunya, isterinya merasa gelisah untuk menemui ibu mertuanya. Zainah yang dalam keadaan berbadan dua itu yakin benar yang ibu mertuanya pasti akan berubah sikap setelah melihatnya.

Ramalan Zainah ternyata benar. Semuanya terbukti setelah mereka berada di rumah ibu Hisham. Kerana budi pekertinya, ibu Hisham jadi tertarik dan sayang pada Zainah. Malangnya kebahagiaan yang dikecapi oleh Zainah itu tidak bertahan lama. Sudin muncul lagi dengan rancangannya untuk memecah-belahkan rumahtangga Hisham. Da-

lam hal ini, Hasnah anaknya dijadikan alat.

Langkah pertama Sudin menghasut ibu Hisham, nampaknya tidak berhasil. Ia mencari lagi belah lain dengan memfitnahkan Zainah melalui sepucuk surat yang mengatakan keluarga Zainah merancang untuk membolot harta ibu Hisham dan kemudian membunuhnya. Ia berjaya dan Zainah dihalau dalam keadaan yang hampir hendak melahirkan.

Ke manakah Zainah membawa diri setelah dihalau? Apa pula tindakan Hisham? Ikutilah siarannya pada 30 Jun, 1985 jam 11.15 pagi.

Rancangan ini di terbitkan oleh Zainab Hj. Taha.



Abdullah Kipli



Hashim Haji Abdul Wahab



Awang Mohd Yussof



Merali Tuah

Hadiah-hadiah menarik

Hadiah menarik berupa wang tunai bagi setiap bahagian telah pun disediakan :

	Pencipta	Penyanyi
Johan	\$2,000.00	\$400.00
Naib Johan	\$1,500.00	\$320.00
Ketiga	\$1,000.00	\$250.00
Sementara saguhati pula seperti berikut :		

Pencipta	Penyanyi
\$ 500.00	\$ 200.00

Empat orang hakim, termasuk 3 orang dari luar negeri telah pun diundang untuk menghakamkan peraduan ini.

Setiasaha Tetap Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Dato Paduka Awang Sidek bin Yahya, akan menyampaikan hadiah-hadiah.

RANCANGAN

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

TV MINGGU INI

HARI RABU

26 JUN

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 WOOLLY VALLEY
- 5.00 ANIMAL IN ACTION: "On The Move" (Siri baru)
- 5.30 FAMILY TIES: "Little Man On Campus"
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 SUPERFRIENDS
- 6.30 TEKA TEPAT
- 6.40 AZAN MAGHRIB
- 6.50 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 REMINGTON STEELE: "Woman of Steele"
- 7.52 AZAN ISYAK
- 7.55 REMINGTON STEELE — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 LIPUTAN NASIONAL
- 9.05 PERADUAN MENCIPTA LAGU: "Bahagian Asli" Peringkat Separuh Akhir No. 1
- 10.00 HUNTER: "A Long Way To Los Angeles"
- 11.00 BUFFALO BILL
- 11.30 SIARAN TAMAT.

HARI KHAMIS

27 JUN

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 7.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SESAME STREET
- 5.30 FILLER
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 WORLD ALIVE: "Desman And The Dippers"
- 6.30 A WHOLE WORLD OF CHILDREN: "Germany Fiji"
- 6.40 AZAN MAGHRIB
- 6.50 A WHOLE WORLD OF CHILDREN — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 FINDER OF LOST LOVES: "Goodbye Sara"
- 7.52 AZAN ISYAK
- 7.55 FINDER OF LOST LOVES — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 HIDAYAT
- 9.05 DUNIA MINGGU INI
- 9.50 PERADUAN MENCIPTA LAGU: "Bahagian Lagaam" Peringkat Separuh Akhir No. 2

- 10.30 GLITTER
- 11.00 WAYNE AND SHUSTER "The Burning Of Rome"
- 11.30 TAYANGAN GAMBAR: "Hard Knox" Robert Conrad berlakon sebagai seorang bekas pegawai U.S. Marine yang ditugaskan mengendalikan sebuah sekolah ketenteraan yang mempunyai penuntut-penuntut beraneka kelakuan.
- 1.00 SIARAN TAMAT.

HARI JUMAAT

28 JUN

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN
- 12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 12.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 12.15 CERAMAH UGAMA
- 12.30 SIARAN LANGSUNG SEMBAH-YANG FARU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN, BANDAR SERI BEGAWAN.

PETANG

- 1.20 THE YEARLING "Eulogy"
- 1.45 THAT'S INCREDIBLE
- 2.15 HE-MAN AND THE MASTERS OF THE UNIVERSE
- 2.40 MIAMI MIATU
- 3.10 WEBSTER
- 3.30 WORLD OF SPORTS
- 3.49 AZAN ASAR
- 3.54 WORLD OF SPORTS — sambungan
- 4.20 THE SECRET RAILROAD
- 4.40 PROFILES OF NATURE: "Humming Bird"
- 5.10 TOWARDS 2000
- 5.40 TEKA TEPAT
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 TEKAT TEPAT — sambungan
- 6.40 AZAN MAGHRIB
- 6.50 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 SIRI 'V': "The Rescue" The Resistance menyerang kapal angkasa alien untuk menyelamatkan Robin dan John Langley. Mereka mendapati Langley adalah seekor cicak.
- 7.52 AZAN ISYAK
- 7.56 SIRI 'V' — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 DARI MIMBAR MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN
- 8.40 LIPUTAN NASIONAL
- 9.05 PERADUAN MENCIPTA LAGU: Bahagian Kanak-Kanak Sekolah Peringkat Separuh Akhir.
- 10.00 DRAMA
- 10.40 MAGNUM: "Tran Quoc Jones" Magnum cuba membantu seorang pemuda Amerasian untuk mencari ayahnya seorang askar Amerika yang telah hilang dan akhirnya terlibat dalam sebuah politik dan kumpulan jahat.
- 11.20 DALLAS: "Legacy Of Hate" J.R. menyedari bagaimana goyang kedudukan familinya setelah dia, Bobby dan Ellie diberitahu bahawa Cliff dan Jimmie mendakwa bahagian hak mereka dalam Ewing Oil.
- 12.50 SIARAN TAMAT.

HARI SABTU

29 JUN

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN / LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SESAME STREET
- 5.30 DUNGEONS AND DRAGONS: BERITA AWAL
- 6.05 RAINBOW: "Movement Over And Under"
- 6.30 I DREAM OF JEANNIE: "Mrs Djinn Djinn"
- 6.40 AZAN MAGHRIB
- 6.50 I DREAM OF JEANNIE — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 MATT HOUSTON
- 7.52 AZAN ISYAK
- 7.56 MATT HOUSTON — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 PERADUAN MENCIPTA LAGU: Peringkat Akhir
- 11.30 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA/MELAYU
- 12.00 SIARAN TAMAT.

HARI AHAD

30 JUN

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN / LAGU KEBANGSAAN
- 12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 12.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 12.15 THE MAGIC OF DAVID COPPERFIELD
- 12.29 AZAN ZUHUR
- 12.32 THE MAGIC OF DAVID COPPERFIELD — sambungan
- 1.15 TAYANGAN GAMBAR: "The Imposter"

PETANG

- 2.40 SUPERGRAN: "Supergran And The Magic Ian"
- 3.10 PINK PANTHER, ANT AND AARDVARK
- 3.40 BILL COSBY SHOW
- 3.49 AZAN ASAR
- 3.53 BILL COSBY SHOW — sambungan
- 4.10 RIPLEY'S BELIEVE IT OR NOT
- 4.40 SCIENCE AND SOCIETY: "Sinking Foundations"
- 5.10 FAMILY HOUR FESTIVAL: "The Late Great Me"
- 5.40 MR. T: "The Ninja Mystery"
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 MR. T — sambungan
- 6.15 CHARLES IN CHARGE: "Snowed In"
- 6.40 AZAN MAGHRIB
- 6.50 CHARLES IN CHARGE — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 COVER UP
- 7.52 AZAN ISYAK
- 7.56 COVER UP — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 SELEKTA DANGDUT
- 9.25 INSIDE CHINA: "The Newest Revolution"
- 9.50 IT TAKES TWO
- 10.20 JESSIE
- 11.10 FOX MYSTERY THEATRE
- 11.55 SIARAN TAMAT

HARI ISNIN

1 JULAI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN / LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 MR SMURFS: "Every Picture SMURFS A Story"
- 5.00 NEW SCOOPY DOO MYSTERIES
- 5.30 HORIZON: "Better Mind The Computer"
- 6.41 AZAN MAGHRIB
- 6.51 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 SCARECROW AND MRS KING: "Three Pieces of Emily"
- 7.52 AZAN ISYAK
- 7.56 SCARECROW AND MRS KING — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 LIPUTAN NASIONAL
- 9.05 MARI MEMASAK
- 9.30 GIVE US A CLUE
- 10.00 DOCUMENTARY: OUT OF FIERY BURNAGE
- 11.00 FALCON CREST
- 12.00 SIARAN TAMAT.

HARI SELASA

2 JULAI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN / LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 VOYAGES OF DR DOOLITTLE: "The King of The Beasts"
- 5.00 WORLD OF SURVIVAL: "The Silver Trumpeter"
- 5.30 THE WIND IN THE WILLOWS: "The Grand Annual Show"
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 NOVA: Life: Patent Pending
- 6.41 AZAN MAGHRIB
- 6.51 NOVA — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 HOTEL
- 7.52 AZAN ISYAK
- 7.56 HOTEL — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.45 ARENA SUKAN
- 9.35 REKASENI
- 10.05 DYNASTY
- 11.00 POT BLACK '84
- 11.30 SIARAN TAMAT

Rancangan Rancangan



RADIO

WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

SIARAN F.M. STEREO

92.3 MHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 MHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

GELOMBANG SEDERHANA

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

HARI RABU 26 JUN

PAGI: 9.00 — Taman Mekar (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.15 — Tinjauan.

TENGAH HARI: 1.30 — Mutiara Asli.

PETANG: 2.00 — Tetamu Radio (SU), 2.30 — Hiburan, 3.15 — Lagu-lagu Tanpa Nya-nyian, 3.30 — Forum (SU), 4.00 — Suara Kugiran (SU), 4.30 — Ruangan Katani, 5.00 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Titian Budaya (SU), 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Permintaan Sukaramai, 9.30 — Senandung Malam.

HARI KHAMIS 27 JUN

PAGI: 9.00 — Hiburan, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Ciptaanku (SU), 10.30 — Permintaan Sukaramai.

TENGAH HARI: 1.30 — Senandung Lagu-lagu Lama (SU).

PETANG: 2.00 — Hiburan Petang, 2.30 — Muzika Tanahair (SU), 3.15 — Hiburan Selingan, 3.30 — Majalah Ugama, 4.00 — Drama Dari Novel, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Bacaan Surah Yassin, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00 — Lagu-lagu Berirama, 9.30 — Tafsir Al-Quran.

HARI JUMAAT 28 JUN

PAGI: 9.30 — Nada Pedomon, 10.15 — Soalan Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran (SU), 11.00 — Pertandingan Mutiara, 11.30 — Bimbingan Al-Quran (SU).

TENGAH HARI: 12.15 — Bacaan Al-Quran, 12.30 — Siaran Langsung Menuaikan Sembahyang Fardu Jumaat, 1.15 — Selingan Irama, 1.45 — Lagu-lagu Instrumental Melayu.

PETANG: 2.00 — Keluarga Si Awang, 2.30 — Hiburan Petang, 3.15 — Dendang Si Alai, 3.30 — Mingguan Pelajar, 4.00 — Permintaan Jiran Tetangga, 4.30 — Dunia Wanita, 5.00 — Penyanyi Harapan, 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat.

MALAM: 7.00 — Cerpen Dan Salukan, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Majalah Ugama (SU), 9.00 — Alam Remaja (SU), 9.30 — Senandung Senja.

HARI SABTU 29 JUN

PAGI: 9.00 — Mingguan Pelajar (SU), 9.30 — Hiburan Riang Ria, 9.45 — Dendang Si Alai (SU), 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampasari.

TENGAH HARI: 1.30 — Mutiara Asli (SU).
PETANG: 2.00 — Permintaan Hujung Minggu, 3.15 — Hiburan Selingan, 3.30 — Cerpen dan Salukan (SU), 4.00 — Hiburan

TIAP-TIAP HARI:

PAGI

6.00-6.02 Allah Peliharakan Sultan
6.05 Sinaran Wahyu
6.15 Pedomon Hidup
6.30 Membacakan Susunan Rancangan
6.33 Dendang Suria
7.00 Dendang Suria
7.10 Panduan Sukan

TENGAH HARI

11.30-12.45 Untuk Awda
